



**JABATAN AIR NEGERI SABAH  
(Ibu Pejabat)**

Blok A, Tingkat 6, Wisma MUIS,  
Beg Berkunci 210,  
88825 KOTA KINABALU, SABAH.  
Tel: 088-232364, Fax: 088-232396  
Laman Web: <http://www.sabah.gov.my/air>



Rujukan : JANS/HQ:600-0/2/6 Jld.6 ( 24)  
Tarikh : 6 Oktober 2017

**TEK VALVE (M) SDN. BHD.**  
PT 22432, LOT ASAL 6535,  
JALAN SUNGAI PULOH, BATU 5 1/2,  
JALAN KAPAR,  
42450 KLANG, SELANGOR

Tuan,

**KELULUSAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN PRODUK/BAHAN BEKALAN AIR DI BAWAH SEKSYEN 7(1)(d), ENAKMEN BEKALAN AIR NEGERI SABAH 2003**

- Valves
- Jenama: **TEK**

Dengan hormatnya, saya merujuk keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pendaftaran Produk/ Bahan Bekalan Air Negeri Sabah **Bil.3/2017** berdasarkan permohonan tuan seperti di Lampiran I - Maklumat Permohonan Penggunaan Produk/ Bahan Bekalan Air yang diadakan pada **5 Oktober 2017** mengenai perkara tersebut di atas.

2. Adalah dengan ini diperakui bahawa syarikat dan produk seperti yang tersebut di atas telah berdaftar dengan Jabatan ini. Kelulusan ini tertakluk kepada syarat-syarat dan ketetapan seperti berikut:

- a) Kelulusan ini sah laku berkuatkuasa sehingga **31 Disember 2018**;
- b) Jabatan berhak untuk melakukan pemeriksaan mengejut terhadap mana-mana pengeluaran produk pada bila-bila masa;
- c) Kelulusan ini tidak boleh disalin dalam mana-mana bentuk untuk tujuan pengiklanan atau komersil tetapi ia boleh ditunjukkan sebagai bukti kelulusan sahaja;
- d) Kelulusan ini terbatal secara tersendiri sekiranya terdapat unsur penipuan sama ada syarikat atau produk, ancaman terhadap keselamatan negara, perubahan kualiti, spesifikasi dan maklumat produk, cetak rompak dan sebagainya.
- e) Jabatan ini berhak untuk membatalkan kelulusan ini pada bila-bila masa jika produk/ bahan didapati tidak mematuhi Enakmen Bekalan Air Negeri Sabah 2003 dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya.

4. Sila ambil perhatian bahawa permohonan untuk pembaharuan Surat Kelulusan Pendaftaran Produk/ Bahan mestilah dikemukakan ke pejabat ini sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh sah lakunya tamat.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"**

  
( Ir. WILIS ANSOI )  
PENGARAH AIR NEGERI SABAH

 MAA/ba 